

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulhelmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus	446
	Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter	455
	Nurhazwani Saleh	
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka	462
	Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools	473
	Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance	481
	Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation	487
	Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership	493
	Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia	504
	Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani	511
	Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills	525
	Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT)	537
	Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum	546
	Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	

Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (*Malay Language Learning Strategies among Chinese Students in Chinese National-Type School*)

Wee Kee Quan

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tun Tan Cheng Lock
keequanipgkmb@gmail.com

Zamri Mahamod

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Shamsul Aizuwani Nawi

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu
shamsulaizuwani@ipgkmb.edu.my

ABSTRAK

Strategi pembelajaran bahasa dapat membantu murid untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dalam kajian ini, pensampelan rawak mudah digunakan untuk memilih 113 orang murid Cina Tahun 5 yang bersekolah di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Subang Jaya, Selangor sebagai responden kajian. Dapatan kajian ini dianalisis dengan statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 26.0. Berdasarkan dapatan kajian, tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa iaitu strategi kemahiran mendengar ($\mu = 3.34$), strategi kemahiran bertutur ($\mu = 2.73$), strategi kemahiran membaca ($\mu = 3.08$) dan strategi kemahiran menulis ($\mu = 3.29$) dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina. Kesimpulannya, guru Bahasa Melayu perlulah menggalakkan murid Cina menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu agar dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dengan lebih baik.

Kata Kunci: strategi pembelajaran bahasa Melayu, murid Cina, sekolah jenis kebangsaan Cina

ABSTRACT

Language learning strategies can help students to improve their proficiency in the Malay language. Thus, this study conducted to identify the Malay language learning strategies among Chinese students in Chinese national-type school based on gender. This study used a quantitative approach in the design of the survey study by using the questionnaire as a research instrument. In this study, random sampling was used to select 113 Chinese students in Standard 5 who studied at a Chinese national-type school in Subang Jaya district, Selangor as the study respondents. The findings of this study were analyzed with descriptive statistics and inferential statistics using the *Statistical Package For Social Science (SPSS)* version 26.0. Based on the findings of this study, the use of Malay language learning strategies in all four language skills namely listening skills strategy

($\mu = 3.34$), *speaking skills strategy* ($\mu = 2.73$), *reading skills strategy* ($\mu = 3.08$) and *writing skills strategy* ($\mu = 3.29$) among Chinese students in Chinese national-type school was at a moderate level. The findings of this study also found that there was no significant difference between the use of Malay language learning strategies among Chinese students in Chinese national-type school based on gender. In conclusion, Malay language teachers should encourage Chinese students to use the Malay language learning strategies in order to improve their language skills better.

Keywords: Malay language learning strategies, Chinese students, Chinese national-type school

PENGENALAN

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Oleh itu, bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan. Namun demikian, bahasa Melayu hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan jika bahasa pengantar selain daripada bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di sekolah jenis kebangsaan Cina adalah berbeza. Bahasa yang dikuasai oleh seseorang individu selepas bahasa pertama dikenali sebagai bahasa kedua. Penguasaan bahasa kedua diperoleh melalui pembelajaran tetapi bukannya pemerolehan. Gangguan bahasa pertama sentiasa berlaku dalam pembelajaran bahasa kedua. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama tidak menimbulkan banyak masalah, tetapi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memerlukan perhatian yang lebih teliti.

Penguasaan bahasa pertama berlaku secara tidak formal dalam kalangan murid penutur natif. Mereka hanya didedahkan bahasa ibunda secara tidak sedar. Mereka dapat menguasai bahasa tersebut melalui pemerolehan tetapi bukannya pembelajaran. Akan tetapi, penguasaan bahasa kedua berlaku secara formal dalam kalangan murid bukan penutur natif. Mereka perlu mempelajari bahasa sasaran secara sengaja. Mereka hanya menguasai bahasa tersebut melalui banyak latihan dan pengukuhan. Sehubungan itu, strategi pembelajaran bahasa menjadi elemen yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana strategi pembelajaran bahasa ialah langkah atau tindakan yang dapat dilakukan oleh murid untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan semula dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih sendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana yang baharu (Zamri, 2015).

Kajian tentang strategi pembelajaran bahasa telah lama dijalankan di luar negara khususnya di Amerika Syarikat yang lebih menjurus kepada kajian tentang cara pelajar asing mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Akan tetapi, kajian tentang strategi pembelajaran bahasa di Malaysia hanya mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bahasa sekitar pertengahan tahun 1990-an (Zamri, 2015). Mohamed Amin (1996) merupakan antara perintis awal yang mengkaji strategi pembelajaran bahasa di Malaysia. Kajian Mohamed Amin (1996) yang berkaitan dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan 4 yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telah menjadi asas kepada kajian strategi pembelajaran bahasa dalam bahasa Melayu. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa adalah penting bagi murid untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu (Zamri et al., 2016; Mohamad Yazid, 2017; Noor Habsah & Yahya, 2018; Nur Syafina, 2018; Usha & Vijayaletchumy 2019; Rozana 2020).

Sesungguhnya, strategi pembelajaran bahasa bukan sahaja dapat membantu murid untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa sasaran, malah dapat melahirkan murid yang berdikari untuk mempelajari bahasa sasaran. Jelaslah bahawa strategi pembelajaran bahasa adalah penting untuk membantu murid khususnya murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Justeru, kajian tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina dijalankan agar dapat membantu murid Cina mempelajari bahasa Melayu dengan lebih baik.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu khususnya murid Cina didapati bahawa berada pada tahap yang kurang memuaskan (Chew, 2016). Hal ini berkait rapat dengan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid bukan Melayu merupakan pembentukan konsep yang baharu. Lebih-lebih lagi, setiap murid mempunyai tahap penguasaan bahasa yang berbeza dalam pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, strategi pembelajaran bahasa merupakan strategi yang dapat dipraktikkan oleh murid Cina untuk menguasai bahasa Melayu dengan berkesan.

Menurut Zamri (2015), kepelbagaian strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh guru dapat merangsang minat murid mempelajari bahasa Melayu. Pendapat Zamri (2015) turut disokong oleh Mohamad Yazid (2017), Noor Habsah dan Yahya (2018), Usha dan Vijayaletchumy (2019) dan Rozana (2020) yang mendapati bahawa murid bukan Melayu menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Maka, guru Bahasa Melayu hendaklah menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang lebih praktikal kepada murid bukan Melayu dan selaras dengan tahap penguasaan bahasa mereka.

Mohd Tajuddin (1996) pernah menyatakan bahawa kekurangan penyelidikan dalam pendidikan bahasa Melayu memberikan kesan dalam perkembangan bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Zamri, Kamiliyah dan Wan Muna (2016); Mohamad Yazid (2017), Noor Habsah dan Yahya (2018), Usha dan Vijayaletchumy (2019) dan Rozana (2020) menunjukkan bahawa masih terdapat banyak kelemahan dalam kalangan murid bukan Melayu untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Menurut kajian Zamri, Kamiliyah dan Wan Muna (2016), penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa dalam kalangan murid Cina tingkatan 4 adalah sederhana. Antara faktor yang mempengaruhi dapatan kajian ialah keperluan penggunaan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian menyebabkan penggunaan bahasa Melayu amat membimbangkan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa strategi kemahiran bertutur merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu berbanding dengan strategi kemahiran mendengar, strategi kemahiran membaca dan strategi kemahiran menulis.

Kajian Rozana (2020) menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kemahiran mendengar dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang etnik Cina dan India adalah tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar cemerlang bukan Melayu kerap menggunakan strategi kemahiran mendengar dan strategi kemahiran menulis. Selain itu, kajian Usha dan Vijayaletchumy (2019) turut mendapati bahawa murid cemerlang lebih kerap mengamalkan strategi kemahiran membaca berbanding dengan murid lemah di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Jelaslah bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dapat membantu murid menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Kajian Mohamad Yazid (2017) mendapati bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi murid cemerlang etnik Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini terbukti melalui dapatan kajian yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa. Begitu juga dengan kajian Nur Syafina (2018) yang mendapati bahawa faktor jantina pelajar Pengajian Bahasa Melayu di Prince of Songkhla University (PSU) tidak mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa.

Akan tetapi, kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) pula mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu khususnya kemahiran menulis dipengaruhi oleh faktor jantina. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan pelajar etnik Melanau yang berlainan jantina. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan etnik Melanau lebih banyak menggunakan strategi kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lelaki etnik Melanau. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina. Berdasarkan tujuan kajian ini, kajian ini dapat mencapai objektif kajian seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina.
2. Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian ini, kajian ini dapat menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

1. Apakah tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina?
2. Apakah tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina?
3. Apakah tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina?
4. Apakah tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam reka bentuk kajian tinjauan. Dalam kajian ini, pensampelan rawak mudah digunakan untuk memperoleh sampel kajian. Seramai 113 orang murid Cina Tahun 5 yang bersekolah di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Subang Jaya, Selangor telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian tinjauan ini menggunakan satu instrumen kajian iaitu soal selidik yang diubah suai daripada inventori kajian Zamri et al. (2016). Soal selidik ini menggunakan skala Likert untuk memperoleh jawapan atau respons berdasarkan darjah persetujuan responden kajian terhadap pernyataan dalam item soalan. Instrumen kajian ini juga disahkan oleh pakar bidang dan pakar bahasa serta diuji melalui kajian rintis yang ditadbir kepada 40 orang responden. Analisis nilai *Cronbach Alpha* menunjukkan bahawa .944 iaitu instrumen kajian ini boleh kekal digunakan untuk mengumpul data dalam kajian sebenar. Dapatan kajian ini dianalisis dengan statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dan statistik inferensi iaitu ujian-t sampel tidak bersandar menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 26.0. Nilai min bagi setiap item dalam konstruk tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu telah ditafsirkan berdasarkan interpretasi nilai min yang dicadangkan oleh Jamil (2002).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada 113 orang murid Cina Tahun 5 yang bersekolah di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Subang Jaya, Selangor.

Jadual 1 Demografi Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	58	51.3
Perempuan	55	48.7

Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Mendengar dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian pertama iaitu tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Jadual 2 Analisis Item Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Mendengar dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Bil.	Item	μ	sp	Tahap
DG1	Saya mendengar dengan teliti semasa guru mengajar di dalam kelas.	3.93	.764	Tinggi
DG2	Saya memberikan perhatian khusus kepada aspek bahasa tertentu seperti cara guru menyebut bunyi sesuatu perkataan.	3.74	.853	Tinggi
DG3	Saya mendengar rakan berbangsa Melayu bertutur.	2.90	1.281	Sederhana
DG4	Saya menumpu sepenuhnya perhatian semasa guru mengajar di dalam kelas.	3.83	.823	Tinggi
DG5	Saya mendengar radio dalam bahasa Melayu.	2.63	1.151	Sederhana
DG6	Saya meminta rakan mengulangi perkataan bahasa Melayu yang baru didengar.	3.13	1.098	Sederhana
DG7	Saya cuba untuk memahami apa-apa yang didengar tanpa mencari maksud dalam kamus.	3.20	1.054	Sederhana
DG8	Saya mendengar dengan teliti pengumuman bahasa Melayu di sekolah.	3.19	1.051	Sederhana
DG9	Saya meminta penjelasan guru jika tidak memahami pada kali pertama saya mendengarnya.	3.18	1.241	Sederhana
DG10	Saya memahami apa-apa yang didengar dengan merujuk kamus.	3.65	1.052	Tinggi
Keseluruhan		3.34	.528	Sederhana

Berdasarkan Jadual 2, terdapat empat item menunjukkan nilai min pada tahap tinggi manakala terdapat enam item menunjukkan nilai min pada tahap sederhana. Item yang mempunyai nilai min paling tinggi ialah item DG1 "Saya mendengar dengan teliti semasa guru mengajar di dalam kelas" ($\mu = 3.93$ dan $sp = .764$) berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling banyak dan kerap menggunakan strategi mendengar dengan teliti semasa guru mengajar di dalam kelas. Strategi ini menjadi pilihan menunjukkan bahawa kesungguhan murid Cina mendengar dengan teliti untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Seterusnya, murid Cina menggunakan strategi menumpu sepenuhnya perhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Hal ini menunjukkan bahawa murid Cina berusaha untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Murid Cina juga menggunakan strategi memberikan perhatian khusus kepada aspek bahasa tertentu seperti cara guru menyebut bunyi sesuatu perkataan. Strategi ini dipilih oleh murid

Cina menunjukkan bahawa mereka ingin mempelajari sebutan yang betul dalam pertuturan. Selain itu, murid Cina menggunakan strategi memahami apa-apa yang didengar dengan merujuk kamus. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina mengambil inisiatif untuk mencari makna perkataan untuk memahami pertuturan orang lain. Item yang mempunyai nilai min paling rendah pula ialah item DG5 “Saya mendengar radio dalam bahasa Melayu” ($\mu = 2.63$ dan $sp = 1.151$) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling kurang dan jarang menggunakan strategi mendengar radio dalam bahasa Melayu. Hal ini berkait rapat dengan bahasa Melayu bukan bahasa pertama dalam kalangan murid Cina. Secara keseluruhannya, tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina adalah sederhana ($\mu = 3.34$ dan $sp = .528$).

Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian kedua iaitu tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Jadual 3 Analisis Item Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Bil.	Item	μ	sp	Tahap
TT1	Saya bertutur dengan guru dalam bahasa Melayu.	3.06	1.304	Sederhana
TT2	Saya bertutur dengan rakan berbangsa Melayu.	2.70	1.288	Sederhana
TT3	Saya bertanyakan soalan sebagai satu cara untuk turut serta dalam perbualan bahasa Melayu.	2.38	1.167	Sederhana
TT4	Saya bertutur menggunakan bahasa Melayu formal.	2.90	1.217	Sederhana
TT5	Saya memulakan perbualan dalam bahasa Melayu sekerap mungkin.	2.39	1.064	Sederhana
TT6	Saya berlatih bertutur bahasa Melayu menggunakan perkataan baharu untuk membina keyakinan diri.	2.53	1.119	Sederhana
TT7	Saya menggalakkan orang lain membetulkan kesilapan dalam percakapan bahasa Melayu saya.	2.16	1.130	Rendah
TT8	Saya cuba topik yang baharu dalam pertuturan bahasa Melayu.	2.42	1.201	Sederhana
TT9	Saya merancang terlebih dahulu apa-apa yang hendak saya tuturkan dalam bahasa Melayu.	3.19	1.279	Sederhana
TT10	Saya meminta bantuan daripada rakan sekelas.	3.57	1.253	Sederhana
Keseluruhan		2.73	.749	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3, terdapat sembilan item menunjukkan nilai min pada tahap sederhana manakala terdapat satu item menunjukkan nilai min pada tahap rendah. Item yang mempunyai nilai min paling tinggi ialah item TT10 “Saya meminta bantuan daripada rakan sekelas” ($\mu = 3.57$ dan $sp = 1.253$) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling banyak dan kerap menggunakan strategi meminta bantuan daripada rakan sekelas. Strategi ini menjadi pilihan kerana murid Cina lebih selesa meminta bantuan daripada rakan sekelas dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, murid Cina menggunakan strategi merancang terlebih dahulu apa-apa yang hendak dituturkan dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu bukan bahasa pertama dalam kalangan murid Cina menyebabkan mereka sukar untuk bertutur secara spontan. Murid Cina juga menggunakan strategi bertutur dengan guru dalam bahasa Melayu. Strategi ini menjadi pilihan murid Cina semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu kerana bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan Cina ialah bahasa Cina. Tambahan pula, murid Cina menggunakan strategi bertutur menggunakan bahasa Melayu formal. Hal ini berkait rapat dengan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berlaku secara formal di sekolah jenis kebangsaan Cina. Item yang mempunyai nilai min paling rendah pula ialah item TT7 “Saya menggalakkan orang lain membetulkan kesilapan dalam percakapan bahasa Melayu saya” ($\mu = 2.16$

dan $sp = 1.130$) berada pada tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling kurang dan jarang menggunakan strategi menggalakkan orang lain membetulkan kesilapan dalam percakapan bahasa Melayu. Hal ini berkait rapat dengan murid Cina jarang bertutur bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina adalah sederhana ($\mu = 2.73$ dan $sp = .749$).

Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian ketiga iaitu tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Jadual 4 Analisis Item Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Bil.	Item	μ	sp	Tahap
BC1	Saya membaca semula teks bahasa Melayu untuk meningkatkan pemahaman.	3.10	1.165	Sederhana
BC2	Saya membaca teks bahasa Melayu sekali imbas sebelum membaca dengan teliti.	3.04	1.187	Sederhana
BC3	Saya membaca dialog perbualan dalam bahasa Melayu.	3.33	1.145	Sederhana
BC4	Saya membaca sebanyak mungkin buku dalam bahasa Melayu.	2.81	1.016	Sederhana
BC5	Saya mencari bahan bacaan bahasa Melayu yang mudah difahami.	3.21	1.235	Sederhana
BC6	Saya membuat latihan membaca bahasa Melayu berulang kali.	3.30	1.322	Sederhana
BC7	Saya membuat catatan semasa membaca teks bahasa Melayu.	3.00	1.188	Sederhana
BC8	Saya menyemak kefahaman saya terhadap bahan bacaan bahasa Melayu yang dibaca.	2.82	1.120	Sederhana
BC9	Saya membuat rumusan berdasarkan bahan bahasa Melayu yang dibaca.	2.65	1.093	Sederhana
BC10	Saya meneka maksud teks bahasa Melayu tanpa merujuk kamus.	3.53	1.203	Sederhana
Keseluruhan		3.08	.680	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4, terdapat semua item menunjukkan nilai min pada tahap sederhana. Item yang mempunyai nilai min paling tinggi ialah item BC10 "Saya meneka maksud teks bahasa Melayu tanpa merujuk kamus" ($\mu = 3.53$ dan $sp = 1.203$) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling banyak dan kerap menggunakan strategi meneka maksud teks bahasa Melayu tanpa merujuk kamus. Strategi ini menjadi pilihan murid Cina kerana cara memahami teks yang dibaca adalah pada idea yang disampaikan tetapi bukan maksud perkataan. Seterusnya, murid Cina menggunakan strategi membaca dialog perbualan dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa murid Cina mengambil inisiatif untuk membaca dialog perbualan agar dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Murid Cina juga menggunakan strategi membuat latihan membaca bahasa Melayu berulang kali. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina menggunakan teknik latih tubi untuk meningkatkan kemahiran membaca. Tambahan pula, murid Cina menggunakan strategi mencari bahan bacaan bahasa Melayu yang mudah difahami. Hal ini berkait rapat dengan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina yang masih rendah memerlukan bahan bacaan yang mudah difahami. Item yang mempunyai nilai min paling rendah pula ialah item BC9 "Saya membuat rumusan berdasarkan bahan bahasa Melayu yang dibaca" ($\mu = 2.65$ dan $sp = 1.093$) berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling kurang dan jarang menggunakan strategi membuat rumusan berdasarkan bahan bahasa Melayu yang dibaca. Hal ini menunjukkan bahawa murid Cina masih kurang mahir mentafsirkan bahan bahasa Melayu yang dibaca. Secara keseluruhannya,

tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina adalah sederhana ($\mu = 3.08$ dan $sp = .680$).

Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Menulis dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian keempat iaitu tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Jadual 5 Analisis Item Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Menulis dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Bil.	Item	μ	sp	Tahap
TL1	Saya berlatih menulis perkataan baharu dalam bahasa Melayu.	3.03	1.206	Sederhana
TL2	Saya menulis perkataan bahasa Melayu yang mudah difahami.	3.58	1.092	Sederhana
TL3	Saya menulis makna jika memperoleh kosa kata baharu dalam bahasa Melayu.	3.61	1.213	Sederhana
TL4	Saya menyemak apa-apa yang telah saya tulis sebelum sambung menulis dalam bahasa Melayu.	3.23	1.195	Sederhana
TL5	Saya menulis nota dalam bahasa Melayu.	3.18	1.234	Sederhana
TL6	Saya menunjukkan hasil tulisan kepada rakan berbangsa Melayu.	2.10	1.094	Rendah
TL7	Saya menyemak perkataan bahasa Melayu yang ditulis untuk diperbaiki isi kandungan.	3.50	1.111	Sederhana
TL8	Saya merancang cara menulis karangan bahasa Melayu dengan menulis rangka karangan terlebih dahulu.	3.32	1.304	Sederhana
TL9	Saya menggunakan kamus untuk mencari perkataan dalam bahasa Melayu.	4.24	1.029	Tinggi
TL10	Saya cuba menulis pelbagai jenis teks bahasa Melayu (contohnya nota peribadi, mesej dan surat).	3.12	1.328	Sederhana
Keseluruhan		3.29	.648	Sederhana

Berdasarkan Jadual 5, terdapat satu item masing-masing menunjukkan nilai min pada tahap tinggi dan rendah manakala terdapat lapan item menunjukkan nilai min pada tahap sederhana. Item yang mempunyai nilai min paling tinggi ialah item TL9 "Saya menggunakan kamus untuk mencari perkataan dalam bahasa Melayu" ($\mu = 4.24$ dan $sp = 1.029$) berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina paling banyak dan kerap menggunakan strategi menggunakan kamus untuk mencari perkataan dalam bahasa Melayu. Strategi ini menjadi pilihan murid Cina kerana pembelajaran bahasa kedua memerlukan penterjemahan dalam bahasa pertama agar lebih mudah difahami. Selain itu, murid Cina menggunakan strategi menulis makna jika memperoleh kosa kata baharu dalam bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid Cina mengambil inisiatif untuk memperluas penguasaan kosa kata dan perbendaharaan kata mereka. Murid Cina juga menggunakan strategi menulis perkataan bahasa Melayu yang mudah difahami. Hal ini berkait rapat dengan penguasaan kosa kata dan perbendaharaan kata dalam kalangan murid Cina masih terhad. Tambahan pula, murid Cina menggunakan strategi menyemak perkataan bahasa Melayu yang ditulis untuk diperbaiki isi kandungan. Hal ini menunjukkan bahawa murid Cina menyemak untuk memastikan perkataan yang ditulis menepati konteks isi kandungan yang disampaikan. Item yang mempunyai nilai min paling rendah pula ialah item TL6 "Saya menunjukkan hasil tulisan kepada rakan berbangsa Melayu" ($\mu = 2.10$ dan $sp = 1.094$) berada pada tahap rendah. Dapatan ini

menunjukkan bahawa murid Cina paling kurang dan jarang menggunakan strategi menunjukkan hasil tulisan kepada rakan berbangsa Melayu. Hal ini berkait rapat dengan sekolah jenis kebangsaan Cina tidak mempunyai ramai murid berbangsa Melayu. Secara keseluruhannya, tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina adalah sederhana ($\mu = 3.29$ dan $sp = .648$).

Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Mendengar dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian kelima iaitu perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Jadual 6 Ujian-t bagi Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Mendengar dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Jantina	μ	sp	t	Sig.
Lelaki	3.28	.560	-1.308	.391
Perempuan	3.41	.488		

*Tahap signifikan pada $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 6, keputusan ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa nilai min murid lelaki ($\mu = 3.28$ dan $sp = .560$) lebih rendah daripada murid perempuan ($\mu = 3.41$ dan $sp = .488$) dengan nilai $t = -1.308$ dan signifikan pada aras $p > 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran mendengar dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian keenam iaitu perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Jadual 7 Ujian-t bagi Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Jantina	μ	sp	t	Sig.
Lelaki	2.66	.782	-1.079	.435
Perempuan	2.81	.712		

*Tahap signifikan pada $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 7, keputusan ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa nilai min murid lelaki ($\mu = 2.66$ dan $sp = .782$) lebih rendah daripada murid perempuan ($\mu = 2.81$ dan $sp = .712$) dengan nilai $t = -1.079$ dan signifikan pada aras $p > 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran bertutur dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian ketujuh iaitu perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Jadual 8 Ujian-t bagi Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Jantina	μ	sp	t	Sig.
Lelaki	2.99	.742	-1.395	.087
Perempuan	3.17	.601		

*Tahap signifikan pada $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 8, keputusan ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa nilai min murid lelaki ($\mu = 2.99$ dan $sp = .742$) lebih rendah daripada murid perempuan ($\mu = 3.17$ dan $sp = .601$) dengan nilai $t = -1.395$ dan signifikan pada aras $p > 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Menulis dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Dapatan kajian ini menjawab soalan kajian kelapan iaitu perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

Jadual 9 Ujian-t bagi Perbezaan Tahap Penggunaan Strategi Kemahiran Menulis dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Berdasarkan Jantina

Jantina	μ	sp	t	Sig.
Lelaki	3.21	.704	-1.410	.137
Perempuan	3.38	.576		

*Tahap signifikan pada $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 9, keputusan ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa nilai min murid lelaki ($\mu = 3.21$ dan $sp = .704$) lebih rendah daripada murid perempuan ($\mu = 3.38$ dan $sp = .576$) dengan nilai $t = -1.410$ dan signifikan pada aras $p > 0.05$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa iaitu strategi kemahiran mendengar, strategi kemahiran bertutur, strategi kemahiran membaca dan strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina adalah sederhana. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Zamri et al. (2016) yang mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina tingkatan 4 berdasarkan kemahiran bahasa berada pada tahap sederhana. Hasil kajian ini turut mendapati bahawa murid Cina paling banyak dan kerap menggunakan strategi kemahiran mendengar diikuti dengan strategi kemahiran menulis, strategi kemahiran membaca dan strategi kemahiran bertutur. Hasil kajian ini selari dengan kajian Rozana (2020) yang menunjukkan bahawa pelajar cemerlang etnik Cina dan India menggunakan pelbagai strategi kemahiran mendengar dan strategi kemahiran menulis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini bertentangan dengan kajian Zamri et al. (2016) yang mendapati bahawa strategi kemahiran bertutur merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu sama ada strategi kemahiran mendengar, strategi kemahiran bertutur, strategi kemahiran membaca mahupun strategi kemahiran menulis dalam kalangan murid Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. Dapatan kajian ini turut menyokong hasil kajian Mohamad Yazid (2017) dan Nur Syafina (2018) yang menyatakan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa. Namun begitu, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) yang mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu khususnya kemahiran menulis dipengaruhi oleh faktor jantina. Walau bagaimanapun, tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa dalam kalangan murid perempuan adalah lebih tinggi daripada murid lelaki. Hal ini bermakna murid perempuan lebih banyak dan kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu berbanding dengan murid lelaki.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan implikasi terhadap PdP Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina. Guru Bahasa Melayu dapat mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang menjadi pilihan murid Cina agar dapat merancang PdP berdasarkan kecenderungan murid Cina. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu adalah penting dalam pembelajaran bahasa kedua untuk memastikan PdP lebih lancar dan berkesan. Guru Bahasa Melayu dapat meningkatkan minat murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu dengan mempelbagaikan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam PdP. Sehubungan itu, guru Bahasa Melayu perlulah menggalakkan murid Cina menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu agar dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian*. [Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Bangi.
- Mohamad Yazib Mohamad. (2017). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 85-92.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. [Doctoral dissertation, University of Leeds]. United Kingdom.
- Mohd Tajuddin Abdul Rahman. (1996). Penyelidikan pendidikan: Kontrak sosial ke arah meningkatkan martabat bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40, 394-401.
- Noor Habsah, A. & Yahya, O. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- Nur Syafina, M.S. (2018). Strategi pembelajaran bahasa pelajar prasiswazah Pengajian Bahasa Melayu di Prince of Songkhla University, Pattani berdasarkan jantina, tahun pengajian dan tahap pencapaian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 1-12.

- Rozana, J. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 64-76.
- Usha, N. & Vijayaletchumy, S. (2019). Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves, Selangor. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 7(2), 130-151.
- Zamri, M., Kamiliyah, A.A.G. & Wan Muna Ruzanna, W.M. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.
- Zamri, M. (2015). *Strategi pembelajaran inventori cara belajar bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.